

# KOSPERA

کوپراسي سوروهنجاي ڦنچڪهن رسواه مليسيا برحد

# LAPORAN TAHUNAN KOSPERA 2022



KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA BERHAD

“Prihatin, Mesra dan Profesional”



# KANDUNGAN

-  NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5 01
-  ATUR CARA DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5 02
-  KATA ALUAN PENGERUSI 05
-  MAKLUMAT CORPORAT 06
-  LAPORAN BERKANUN AHLI LEMBAGA 18
-  LAPORAN JAWATANKUSAU AUDIT DALAMAN 21
-  LAPORAN JURUAUDIT BEBAS 22
-  PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DIS 2022 26
-  ANGGARAN BELANJAWAN 2024 41
-  SENARAI ANGGOTA KOSPERA LAYAK MENJADI AHLI LEMBAGA KOPERASI 42
-  MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4 53

# NOTIS MESYUARAT AGUNG



KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(No. Pendaftaran : W-6-1184)

Aras 7, Blok C, Ibu Pejabat SPRM, No. 2 Lebuh Wawasan,  
Presint 7, 62250 Putrajaya

Tel : 0388911911 / Emel : kospera@sprm.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SPRM.KOSPERA:100-6/1/1 (12)  
Tarikh : 14 November 2023  
30 Rabulakhir 1445H

Semua Ahli  
Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA)

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

YBhg. Tan Sri Dato' Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan,

## NOTIS PEMAKLUMAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5 KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD (KOSPERA)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Ke-5 Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) akan diadakan secara *hibrid (hadir ke dewan bagi anggota/ahli di Ibu Pejabat SPRM dan secara maya melalui Zoom Meeting bagi anggota/ahli di SPRM Negeri)* pada 30 November 2023 (Khamis), jam 2.00 petang bertempat di Dewan Auditorium, Aras 3, Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya. Untuk makluman YBhg. Tan Sri Dato' Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Dato' Indera/Dato'/Tuan/Puan, aturcara mesyuarat pada kali ini akan menggabungkan 2 sesi iaitu;

- a) Sesi 1 : Mesyuarat Agung Tahunan KOSPERA Kali Ke-5
- b) Sesi 2 : Majlis Pelancaran Portal KOSPERA dan Perasmian CoopMart KOSPERA

Bersama-sama ini disertakan beberapa dokumen yang berkaitan;

- i. DOKUMEN 1 : Aturcara & Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5
- ii. DOKUMEN 2 : Pemakluman Pencalonan 5 Ahli Lembaga Baharu Ses 2023-2024
- iii. DOKUMEN 3 : Borang Cadangan Usul oleh Anggota

4. Sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Setiausaha Koperasi di talian 0196759829 atau Penolong Setiausaha, Rozila Binti Abdullah@Romli di talian 0192078338. Semoga majlis kita akan berjalan dengan lancar serta didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

'Prihatin, Mesra dan Profesional'

(MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH)

Setiausaha  
Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA)

"Prihatin, Mesra dan Profesional"

# ATUR CARA MESYUARAT AGUNG



## 2.00 petang

Ketibaan dan pendaftaran kehadiran oleh semua ahli

## 2.30 petang

SESI MESYUARAT AGUNG BERMULA

## 4.00 petang

Mesyuarat agung selesai

Semua ahli mesyuarat berehat sebentar dan menunggu ketibaan VIP

Ketibaan para jemputan

## 4.30 petang

Ketibaan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki,  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Bacaan doa

Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Shamshun  
Baharin bin Mohd Jami,  
Pengerusi Ahli Lembaga KOSPERA

Ucapan Perasmian oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji  
Azam bin Baki,  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Upacara pelancaran Portal KOSPERA

Para jemputan dan VIP beredar ke ruang legar  
Aras 3 untuk upacara perasmian CoopMart  
KOSPERA

## 5.30 petang

Majlis selesai

Jamuan untuk jemputan VIP

# AGENDA MESYUARAT AGUNG

BIL	PERKARA
1.	Pengerusi Ahli Lembaga memulakan mesyuarat dengan melantik; (a) Seorang Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5; dan (b) Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-5;
2.	<b>Menyemak dan mengesahkan</b> Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-4;
3.	<b>Menimbang dan meluluskan:</b> (a) Laporan Berkanun Tahunan Lembaga; (b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; (c) Akaun-akaun Teraudit KOSPERA Bagi Tahun Kewangan Berakhir <b>31 Disember 2022;</b> (d) Anggaran belanjawan tahun 2024;
4.	<b>Memilih dan melantik :</b> (a) <b>Lima (5)</b> Ahli Lembaga baharu mengikut Undang-Undang Kecil 37 KOSPERA; (b) <b>Enam (6)</b> orang dari Anggota KOSPERA yang hadir serta empat (4) orang dari kalangan Ahli Lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 (c) <b>Tiga (3)</b> orang Jawatankuasa Audit Dalaman;
5.	<b>Meluluskan</b> pelantikan JuruAudit Luar yang akan mengendalikan audit bagi penggal akaun berakhir 31 Disember 2023;
6.	<b>Menimbang dan melulus</b> kuasa Lembaga untuk had keterhutangan;
7.	<b>Menimbang dan melulus</b> skop dan had pelaburan;

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
8.	<b>Membentang, menimbang dan meluluskan;</b>
(a)	Usul dan cadangan dari Lembaga; dan
(b)	Apa-apa usul atau notis atau urusan lain yang dibangkitkan oleh Anggota yang dihantar kepada KOSPERA sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agung; dan
9.	Hal-hal lain
10.	Mesyuarat selesai

# KATA ALUAN PENGERUSI



Bismillahirahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat lagi kita diberi kesempatan untuk terus menikmati kehidupan di dunia ini yang penuh dengan pelbagai rahmat dan cabaran disamping menghayati nikmat iman dan ihsan. Selawat dan Salam juga diucapkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, KOSPERA telah berusaha sebaik mungkin mempertingkatkan hasil pendapatan disamping mengurangkan perbelanjaan perkara yang tidak perlu, terutamanya apabila KOSPERA ingin memfokuskan kepada gerak kerja pembinaan COOPMART KOSPERA di Aras 3 Ibu Pejabat SPRM pada tahun 2023. Meskipun pandemik COVID 19 telah berlalu, namun kesannya masih terasa dan kita perlu sama-sama memastikan keterlangsungan KOSPERA yang diwujudkan ini dapat bertahan dan terus berkembang. Pada ketika ini, penyumbang utama kepada pendapatan KOSPERA adalah pendapatan daripada aktiviti peruncitan dan aktiviti pembiayaan. Justeru itu, setelah 5 tahun bertapak, KOSPERA perlu dinamik dan akan cuba menceburi beberapa aktiviti baharu yang bersesuaian seperti pelaburan emas, aktiviti penyediaan makanan, aktiviti perkhidmatan kebersihan dan lain-lain yang dilhat bersesuaian.

Kepada semua Anggota yang dihormati, terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menerajui koperasi ini. Teruskan sokongan anda terhadap KOSPERA dan janganlah menilai koperasi ini dalam tempoh yang terlalu singkat. Kepada semua Anggota Lembaga Koperasi dan pasukan kerja KOSPERA, terima kasih tidak terhingga diucapkan atas komitmen yang diberikan serta tanggungjawab yang digalas sepanjang tahun 2022 ini. Penghargaan ini adalah di atas amanah yang telah digalas dalam memastikan KOSPERA masih bertahan walaupun berhadapan dengan situasi semasa yang amat mencabar.

Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi SPRM yang senantiasa memberikan galakan dan sokongan terhadap KOSPERA. Tidak lupa, kepada warga SPRM yang telah menjadi Anggota KOSPERA, terima kasih yang tidak terhingga kepada anda. Ini kerana hanya dengan sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh anda semua dapat memangkin usaha kami memajukan KOSPERA. Anggaplah komitmen caruman yang anda berikan kepada KOSPERA ini sebagai tabungan kecil untuk anda di masa hadapan.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga SPRM, marilah sama-sama kita memperkasai Koperasi kita ini. Disamping itu, sama-sama kita berdoa agar Allah SWT merahmati dan mempermudahkan segala usaha murni kita ini.

"Dari Anda Untuk Anda". Sekian dan selamat bersidang.

Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

## VISI

Menjadikan sebuah koperasi yang terbaik dan unggul dalam memberi kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota

## MISI

Meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota dengan kualiti perkhidmatan yang terbaik

## MOTTO

'Prihatin, Mesra dan Profesional'

## OBJEKTIF

- Meningkatkan taraf sosio ekonomi anggota;
- Menjaga kepentingan dan kebajikan anggota;
- Memperkasa budaya saling membantu;
- Memastikan pengurusan yang efisien, berhemah dan telus, dan
- Menjamin pulangan yang baik ke atas modal saham yang dilaburkan,



## PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan kebajikan anggota diutamakan;
- Memastikan perkhidmatan adalah terbaik dan efisien; dan
- Amanah dan telus dalam semua aktiviti.



# AHLI LEMBAGA KOSPERA



## PENGURUSI

Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil



## EXCO PENGURUSAN KORPORAT



### SETIAUSAHA

Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh



### BENDAHARI

Effezul Azran bin Abd Maulop



### PENOLONG SETIAUSAHA

Rozila binti Abdullah @ Romli



### PENOLONG BENDAHARI

Harmilah binti Kudi



### ALK

Hadi bin Husin



## EXCO KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



**ALK**  
Dato' Indera Junipah binti Wandi



**ALK**  
Fatimah binti Ali



**ALK**  
Mohamad Lotfi bin Ismail



**ALK**  
Noraini binti Ahmad



**ALK**  
Suzana binti Mohamad Ramli



## EXCO KREDIT DAN PELABURAN



**ALK**

Saiful Azri bin Mohamad



**ALK**

Siti Zakiah binti Che Man



**ALK**

Azwani binti Talha



**ALK**

Intan Bayzura binti Amran



## JAWATANKUASA AUDIT DALAM



### KETUA JURUAUDIT DALAM

Mohd Nazali bin Md Jidin



Muhammad Faiz bin Rahmat



Harussani bin Hamzah




## STAF KOSPERA



**KERANI AKAUN**  
Sakina binti Said



**KERANI PENTADBIRAN**  
Nooramira binti Mohd Noor Rawi



## JUMLAH KEANGGOTAAN KOSPERA **498 AHLI**

sehingga 31 Disember 2022



## MODAL SYER DAN YURAN

Jumlah modal syer dan modan yuran sehingga **31 Disember 2022** seperti jadual di bawah:

	TAHUN 2021	TAHUN 2022
	<b>MODAL SYER</b>	RM48,650.00
	<b>MODAL YURAN</b>	RM302,740.00

## ● MESYUARAT AHLI LEMBAGA



### **MESYUARAT ALK BIL 1/2022**

-  26 April 2022 (Selasa)  
 3.00 petang  
 Bilik Gerakan SPRM

### **MESYUARAT ALK BIL 2/2022**

-  19 September 2022 (Isnin)  
 10.00 pagi  
 Bilik Mesyuarat Lembaga SPRM

### **MESYUARAT ALK BIL 3/2022**

-  08 Disember 2022 (Khamis)  
 9.30 pagi  
 Bilik Gerakan SPRM

## ● LAWATAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

Lawatan diadakan pada **28 Jun 2022** bertujuan untuk melihat kemajuan Kedai KOSPERA dan juga berbincang tentang proses untuk pembinaan kedai baharu KOSPERA di aras 3. Tiga pegawai SKM Cawangan Wilayah Persekutuan yang hadir ialah Encik Nasarudin bin Manan, Timbalan Pengarah Bahagian Perangkaan dan Penyelidikan, Encik Harith Hamidi bin Muhamad Isa dan Puan Shazliana binti Mohd Isa. Turut hadir bersama ialah Pengerusi KOSPERA iaitu YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.



# ● PERBINCANGAN BERSAMA BANK RAKYAT



01 Disember 2022 (Khamis)




10.00 pagi



Bilik Gerakan, SPRM

Perbincangan berkaitan tatacara pelaksanaan Kad Kredit iSPRM

# ● KURSUS WAJIB ALK



Dihadiri oleh **Tuan Mohamad Lotfi bin Ismail** dan **Puan Intan Bayzura binti Amran** pada tarikh berikut :

- Wajib 1 : 1 - 11 Mei 2022
- Wajib 2 : 18 - 19 Mei 2022  
dan 15 - 16 Ogos 2022
- Wajib 3 : 12 - 13 April 2022

# ● PERBINCANGAN BERSAMA BAHAGIAN TADBIR URUS SYARIAH, ANGKASA



Perbincangan diadakan pada **19 Julai 2022** bersama Puan Raimi Azyan binti Roslan dari Bahagian Syariah SKM dan Encik Mohamed Izzat bin Wan Hashim dari Bursa Malaysia. Tujuan perbincangan adalah untuk mengetahui tadbir urus dan tatacara pengurusan pinjaman berkonsep syariah. Turut hadir bersama ialah Tuan Saiful Azri Mohamad dan Cik Sakina binti Said dari KOSPERA.

## ● PAMERAN KOSPERA SEMPENA HARI TERBUKA SEKTOR PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME SPRM



📅 23 - 25 Mei 2022

📍 Aras 3, Ibu Pejabat SPRM

## ● PAMERAN KOSPERA SEMPENA PROGRAM PENGUKUHAN JATI DIRI SPRM



📅 2 - 4 September 2022

🕒 9.00 pagi - 5.00 ptg

📍 Stadium USIM, Nilai

## ● PROGRAM JALINAN MESRA KELUARGA SPRM



📅 26 Mei 2022

📍 Dewan Serbaguna SPRM



Di bawah aktiviti kebajikan SPRM, KOSPERA turut menyediakan gerai makanan bersama Yayasan Prihatin, Surau Safinatunnajah dan PUSPANITA sempena Majlis Jalinan Mesra Keluarga SPRM.

## ● TAKLIMAT KEPADA KADET MACA



13 Ogos 2022

Dewan Tun Ismail, MACA



Taklimat disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil kepada kadet Penolong Penguasa SPRM

## ● JUALAN SAMPUL RAYA



Jualan sampul raya bermula awal Ramadan

## **SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN**

Sepanjang tahun 2022, KOSPERA telah menyelesaikan tuntutan bayaran khairat kematian kepada senarai anggota seperti di dalam jadual.

BIL.	NAMA	NO.ANGGOTA	KHAIRAT KEMATIAN	JUMLAH
1.	Mardiana binti Ibrahim	K00276	Ibu	RM300.00
2.	Mohd Suffian bin Abdul Mues	K00187	Bapa	RM300.00
3.	Ismajuri bin Ismail	K00181	Ibu	RM300.00
4.	Siti Shuhaida binti Ishak	K00348	Ibu	RM300.00
5.	Nor Khamishah binti Osman	K00019	Bapa	RM300.00
6.	Yanti binti Sawal	K00220	Anggota	RM1,000.00
7.	Muhammad Fairuz bin Dani	K00150	Ibu	RM300.00
8.	Mohd Helmi Faiz bin Ali	K00266	Bapa	RM300.00
9.	Faiz bin Fauzi	K00405	Ibu	RM300.00
10.	Wan Siti Junaida binti Ismail	K00322	Suami	RM500.00
11.	Norhaliza binti Hassan	K00042	Ibu	RM300.00
12.	Nurhida binti Roslan	K00104	Bapa	RM300.00
13.	Harliza binti Muhammad Anil	K00116	Ibu	RM300.00
14.	Fatimah binti Hamid	K00161	Ibu	RM300.00
15.	Mohammad Faiz bin Azmi	K00143	Isteri	RM500.00
JUMLAH KESELURUHAN				<b>RM5,600.00</b>

Merujuk kepada **Aturan Kumpulan Wang Kebajikan** yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2020, KOSPERA telah menyediakan kemudahan untuk anggota menuntut sumbangan wang khairat untuk bantuan urusan kematian mengikut jadual tuntutan yang telah ditetapkan seperti dibawah.

- Anggota - RM1,000.00
- Isteri/suami anggota - RM500.00
- Ahli keluarga terdekat (ibu/bapa atau anak kandung sahaja) - RM300.00

# AKTIVITI PERUNCITAN

## ● JUALAN KEDAI SERBANEKA

BULAN	TAHUN	
	2021	2022
• Januari	RM4,993.90	RM4,621.40
• Februari	RM12,290.00	RM2,191.80
• Mac	RM9,976.10	RM4,257.60
• April	RM4,246.50	RM4,956.90
• Mei	RM9,600.90	RM10,101.10
• Jun	RM3,492.20	RM4,317.00
• Julai	RM4,237.20	RM5,114.80
• Ogos	RM3,092.10	RM26,071.10
• September	RM3,530.90	RM5,775.40
• Oktober	RM5,592.30	RM4,601.40
• November	RM4,802.30	RM3,754.80
• Disember	RM2,641.60	RM3,448.50
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM68,496.30</b>	<b>RM79,211.80</b>

Perbezaan jualan bulanan Kedai Serbaneka KOSPERA bagi tahun 2021 dan 2022.

## ● KOMISEN KONSAINAN

BULAN	TAHUN	
	2021	2022
• Januari	RM776.80	RM472.00
• Februari	RM962.30	RM1,608.60
• Mac	RM1,695.30	RM860.20
• April	RM1,596.00	RM2,120.70
• Mei	RM815.40	RM226.70
• Jun	RM325.10	RM243.10
• Julai	RM296.85	RM445.00
• Ogos	RM462.00	RM801.10
• September	RM829.20	RM388.20
• Oktober	RM540.30	RM575.80
• November	RM667.30	RM329.30
• Disember	RM685.00	RM180.30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM9,651.55</b>	<b>RM8,251.00</b>

Perbezaan komisen konsainan Kedai Serbaneka KOSPERA bagi tahun 2021 dan 2022.

# LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

## LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Kegiatan utama Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad ialah menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapatkan komisen daripada perkhidmatan ‘vending machine’ dan komisen jualan konsainan.


- a) Perolehan Koperasi di sepanjang tahun tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang luarbiasa. Kerugian bersih sebelum pembahagian adalah berjumlah RM14,460.35 (2021:RM17,511.58).
- b) Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2022, koperasi tidak bercadang untuk memberi sebarang peruntukan ke atas perkara-perkara seperti dividen, honorarium dan lain-lain peruntukan ke atas mana-mana peruntukan kumpulan/tabung wang.
- c) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59 (4), Akta Koperasi, 1993;
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai,
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan,
- f) Anggota Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti semasa, modal dan rizab yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah; dan
- g) Anggota Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil	Pengerusi
Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh	Setiausaha
Effezul Azran bin Abd Maulop	Bendahari
Rozila binti Abdullah @ Romli	Penolong Setiausaha
Harmilah binti Kudi	Penolong Bendahari
Dato' Indera Junipah binti Wandi	Anggota Lembaga
Siti Zakiah binti Che Man	Anggota Lembaga
Saiful Azri bin Mohamad	Anggota Lembaga
Hadi bin Husin	Anggota Lembaga
Fatimah binti Ali	Anggota Lembaga
Mohamad Lotfi bin Ismail	Anggota Lembaga
Intan Bayzura binti Amran	Anggota Lembaga
Noraini binti Ahmad	Anggota Lembaga
Suzana binti Mohamad Ramli	Anggota Lembaga
Azwani binti Talha	Anggota Lembaga

---

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT  
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga mengaku bahawa selain dariada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993 Seksyen 59(3).



Dato' Sri Shamshun Baharin  
bin Mohd Jamil  
(Pengerusi)



Megat Nor Esham bin Megat  
Mohd Salleh  
(Setiausaha)



Effezul Azran bin Abd Maulop  
(Bendahari)

Putrajaya  
Tarikh: **7 November 2023**


---

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ANGGOTA LEMBAGA**

Kami, Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan Effezul Azran bin Abd Maulop, dua daripada Anggota Lembaga Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan penyata kedudukan kewangan, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 Disember 2022 dan hasil serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga,



Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil  
Pengerusi



Effezul Azran bin Maulop  
Bendahari

Putrajaya  
Tarikh: **7 November 2023**

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

## LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Laporan Tahunan ini disediakan mengikut kuasa yang diberi dibawah Seksyen 49 Akta Koperasi 1993.

2. Laporan yang dibuat oleh kami pada keseluruhannya yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi termasuk buku-buku akaun, resit-resit serta semua transaksi akaun yang tersusun walaupun terdapat sedikit perkara perlu diperbetulkan dan dikemaskini.
3. Kami telah mengaudit kedai milik Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan mendapati pada keseluruhannya diurus secara baik dan teratur.
4. Kami juga telah mengaudit proses pinjaman kredit kepada ahli Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan mendapati proses tersebut keseluruhannya mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
5. Selaras dengan kehendak dan peraturan dibawah Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil Koperasi segala urusan dan pengurusan pihak koperasi pada keseluruhannya didapati telah dilaksanakan dan diurus dengan baik.
6. Kami sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak pengurusan koperasi khasnya Kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi yang telah memberi kerjasama baik.



(MOHD NAZALI BIN MD JIDIN)

KETUA AUDIT DALAM



(HARUSSANI BIN HAMZAH)  
AHLI AUDIT DALAM



(MUHAMMAD FAIZ BIN RAHMAT)  
AHLI AUDIT DALAM

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

---

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

### KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD., yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

##### Asas bagi Pendapat.

Kami telah mengendalikan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini adalah dihuraikan dengan lanjut dalam *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* dalam Laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami.

##### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Kami adalah bebas daripada Koperasi, selaras dengan *By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* Institut Akauntan Malaysia (“*By-Laws*”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan *International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut *ByLaws* dan Kod IESBA.

---

## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)**

### **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

#### **Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Lembaga tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Lembaga dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Lembaga dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Lembaga adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan kami diperolehi dalam audit atau sebaliknya sekiranya terdapat salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa laporan para pengarah terdapat salah nyata yang ketara, maka kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa pandangan untuk melaporkan hal ini.

#### **Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Penyata Kewangan**

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Para Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh para Lembaga untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, para Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para lembaga berniat untuk membubarkan Koperasi atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

---

## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)**

### **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

#### **Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Kepastian yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan professional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas pendapat yang munasabah. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai dasar-dasar perakaunan penting yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga.

---

## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI (SAMBUNGAN)**

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### **Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (sambungan)**

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dengan cara mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para lembaga, antaranya yang berkaitan dengan skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sepanjang pengauditan kami.

### **Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

**MNZWAJA**

AF 001959

Akauntan Bertauliah

Muzzamil bin Hafiz

SKM (B) 0154

02075/07/2024 J

Akauntan Bertauliah

Shah Alam

Tarikh : 7 November 2023

# PENYATA PERAKAUNAN

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>			
Komputer	3	1.00	409.80
Aset-aset lain	3	1,333.37	2,471.22
		<u>1,334.37</u>	<u>2,881.02</u>
Pelaburan dalam syer tak siar harga	4	10,000.00	10,000.00
		<u>11,334.37</u>	<u>12,881.02</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori	5	10,385.52	9,559.16
Pinjaman anggota	6	21,150.00	19,850.00
Deposit		3,000.00	3,000.00
Wang di bank	7	1,537,545.16	1,300,872.62
Aset dalam pembinaan		20,000.00	-
		<u>1,592,080.68</u>	<u>1,333,281.78</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>1,603,415.05</u></b>	<b><u>1,346,162.80</u></b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
Modal syer anggota	8	64,500.00	48,650.00
Modal yuran anggota	9	469,935.00	302,740.00
Lain-lain tabung Am	10	1,082,533.00	1,075,341.00
Kerugian terkumpul		(116,577.21)	(102,116.86)
<b>KUMPULAN WANG ANGGOTA</b>		<b><u>1,500,390.79</u></b>	<b><u>1,324,614.14</u></b>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	11	967.46	967.46
		<u>967.46</u>	<u>967.76</u>
		<u>1,501,358.25</u>	<u>1,325,581.60</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	12	102,056.80	20,581.20
Jumlah liabiliti semasa		<u>102,056.80</u>	<u>20,581.20</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b><u>102,056.80</u></b>	<b><u>20,581.20</u></b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN WANG ANGGOTA</b>			
		<b><u>1,603,415.05</u></b>	<b><u>1,346,162.80</u></b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

---

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

Pada Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Kerugian bersih tahun ini		(14,460.35)	(17,511.58)
Kerugian bersih selepas pelarasan operasi		(14,460.35)	(17,511.58)
Kerugian terkumpul pada awal tahun		(102,116.86)	(84,605.28)
Kerugian terkumpul pada akhir tahun		(116,577.21)	(102,116.86)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN UNTUNG RUGI**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
<b>Pendapatan Daripada Aktiviti</b>			
Kedai	13	79,211.80	68,496.30
Top-up E-Payment	14	25,854.00	20,610.00
Sewaan	15	21,600.00	10,800.00
		<u>126,665.80</u>	<u>99,906.30</u>
<b>Lain-lain Pendapatan</b>			
Pendapatan Am	16	35,513.27	49,759.66
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<u>162,179.07</u>	<u>149,665.96</u>
<b>TOLAK : PERBELANJAAN</b>			
<b>Kos Aktiviti</b>			
Kedai	13	63,392.04	55,101.86
Top-up E-Payment	14	25,494.25	20,247.70
Sewaan	15	12,000.00	6,000.00
		<u>100,886.29</u>	<u>81,349.56</u>
<b>Perbelanjaan Am</b>			
Alatulis dan Percetakan		6,901.90	19,744.60
Belanja Am		1,354.10	1,280.70
Belanja Mesyuarat Agong		1,260.00	2,860.00
Bayaran balik fi masuk anggota		-	20.00
Belanja mesyuarat		1,444.60	997.00
Caj bank		1.50	497.90
Caj perkhidmatan SPBA		100.00	-
Denda dan penalti		30.00	679.00
Duti setem		245.00	492.00
Fi Juruaudit luar		2,800.00	2,500.00
Fi konsultan		-	-
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	17	57,468.33	52,858.01
Komisen ANGKASA		1,355.25	941.04
Lesen perniagaan		168.00	168.00
Perjalanan dan pengangkutan		50.00	150.00
Perbelanjaan stor simpanan		100.00	100.00
Perbelanjaan SST		208.80	177.00
Susutnilai Harta Tanah, Loji dan Perlatan	18	2,265.65	2,246.68
Stok rosak		-	116.05
		<u>75,753.13</u>	<u>85,827.98</u>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<u>176,639.42</u>	<u>167,177.54</u>
<b>Kerugian bersih tahun semasa</b>		<u>(14,460.35)</u>	<u>(17,511.58)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**  
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	2022 RM	2021 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Kerugian bersih sebelum cukai	(14,460.35)	(17,511.58)
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	2,265.65	2,246.68
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(12,194.70)	(15,264.90)
Perubahan pada modal kerja:		
Tambahan inventori	(826.36)	(4,382.89)
Tambahan penghutang	(1,300.00)	(22,850.00)
Tambahan aset dalam pembinaan	(20,000.00)	-
Kurangan pelbagai pembiutang dan akruan	81,475.60	(27,431.80)
Aliran tunai bersih dihasilkan /(digunakan) untuk aktiviti koperasi	47,154.54	(69,929.59)
<b>ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN</b>		
Lain-lain Tabung anggota	7,192.00	1,052,386.00
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada bayaran berkanun dan agihan	7,192.00	1,052,386.00
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(719.00)	(478.00)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(719.00)	(478.00)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Terimaan modal syer anggota	15,850.00	6,375.00
Terimaan modal yuran anggota	167,195.00	137,600.00
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	183,045.00	143,975.00
Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	236,672.54	1,125,953.41
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	1,300,872.62	174,919.21
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	1,537,545.16	1,300,872.62
<b>ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI :-</b>		
Wang di bank	1,537,545.16	1,300,872.62
	<hr/>	<hr/>
	1,537,545.16	1,300,872.62

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan

---

## **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

31 Disember 2022

#### **1. KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad ialah menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan ‘vending machine’ dan komisen jualan konsainan.

Jumlah anggota yang menjadi ahli Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad sehingga 31 Disember 2022 adalah seramai 498 orang (2021: 361 orang).

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 2 orang (2021: 2 orang).

#### **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

##### **(a) Asas-asas perakaunan**

- i. Penyata kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Pelarasian akan dibuat untuk menyesuaikan dengan nilai-nilai saksama aset atau liabiliti.
- ii. Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993, Peraturan Koperasi 2010 dan Undang – undang Kecil Koperasi.

##### **(b) Yuran pendaftaran anggota**

Yuran pendaftaran anggota dikreditkan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan Koperasi mengikut kehendak Fasal 13(4) Undang-undang Kecil Koperasi.

##### **(c) Harta tanah, loji dan peralatan**

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset-aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Komputer	20%
Aset-aset lain	20%

---

## KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

#### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

##### (c) Harta tanah, loji dan peralatan (sambungan)

Sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

##### (d) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih setelah ditolak peruntukan ke atas inventori lama dan rosak. Inventori ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu.

##### (e) Aset kewangan

###### i) *Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian*

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

